


Haiwan liar semakin terancam



DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Pada tanggal 21 Oktober setiap tahun, negara akan merayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara. Namun, apalah ertinya hari tersebut disambut jika Malaysia masih menghadapi salah satu cabaran yang paling getir berkaitan kelestarian iaitu pemuliharaan hidupan liar serta pengurusannya secara lestari. Melebihi dua dekad negara menangani perjanjian berkaitan kelestarian di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, kelihatannya kemandirian hidupan liar negara masih gagal dilesatkan.

Natijahnya, kita masih tidak mengambil iktibar daripada keterancaman dan kepupusan pelbagai spesies hidupan liar, antaranya badak jawa, badak sumbu sumatera dan harimau malaya.

Kerana kealpaan dan sikap tidak ambil peduli kita inilah, dalam tempoh 30 tahun, sekitar 77 hingga 120 ekor badak sumbu sumatera yang berada di dalam hutan kita lenyap satu persatu. Kepupusan spesies mamalia yang turut dikenali sebagai badak sumbu kerbau ini merupakan satu kehilangan besar fauna terutama untuk tatapan generasi muda.

Data Bank Dunia menunjukkan jumlah 70 daripada 336 spesies mamalia dikategorikan terancam di Malaysia dan menjadikan ia pada ranking ketujuh tertinggi di dunia dalam kategori ini.

Lebih memerlukan, terdapat beberapa spesies haiwan liar yang kini dikatakan sudah pupus dan tidak lagi ditemui di habitat asalnya di hutan simpan kekal mahupun taman negara di Malaysia termasuk banteng, badak jawa, burung merak hijau, burung upeh, gajah pigmi borneo dan kucing batu.

Malah, haiwan liar lain seperti gajah, badak sumatera, tapir, harimau malaya, orang utan, rusa samba, beruang matahari, kambing gurun dan seladang kini sukar ditemui di habitat semula jadi mereka di hutan.

Rekod menunjukkan bilangan haiwan liar berkenaan yang masih terdapat di hutan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak amat kecil dengan gajah hanya 1,220 ekor, selain harimau belang (450 ekor), seladang (270 ekor), rusa samba (700 ekor) dan burung upeh yang tinggal kira-kira 10 ekor sahaja.

Berdasarkan statistik Jabatan Perhilitan (2018), kematian hidupan liar dari

tahun ke tahun menunjukkan peningkatan iaitu 7,451 (2017) berbanding 6,767 (2016) dan 6,258 (2015) dengan Selangor, Johor dan Perak mencatatkan kematian hidupan liar tertinggi iaitu 1,745 ekor, 1,616 (2016) dan 792 (2015).

Rentetan itu, Malaysia telah disenaraikan sebagai antara negara berbahaya untuk haiwan terancam apabila sekurang-kurangnya satu perlita daripada spesies mamalia yang hampir pupus direkodkan di negara ini. Malah, Malaysia juga disenaraikan antara satu daripada 10 negara yang menjadi hab utama pemerdagangan dan pemburuan haiwan liar.

Sikap tamak

Haiwan liar terancam terutamanya akibat pemburuan haram, penyeludupan di pasaran gelap, pemencilan kawasan hutan akibat pembangunan, aktiviti pembalakan, di samping kelemahan aspek perundungan sedia ada serta penguatkuasaannya.

Walaupun aktiviti menyimpan, memburu, mencedera atau mengancam hidupan liar adalah suatu kesalahan di bawah Jadual Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, namun bilangan pemburu haram terus meningkat. Sepanjang tahun sahaja, sebanyak 62 orang berjaya diberkas menerusi 20 operasi tangkapan dan ini merupakan satu jumlah yang tinggi. Bayangkan berapa banyak haiwan liar yang telah terkorban akibat sikap tamak haloba ini!

Meskipun Malaysia mempunyai undang-undang termasuk Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010; Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 dan Akta Taman Negara 1980 yang diwartakan bagi melindungi haiwan liar, kelihatannya ia gagal melindungi flora dan fauna negara daripada terus pupus.

Sungguhpun jumlah denda sehingga RM1.6 juta atau 16 tahun penjara pernah dikenakan terhadap kesalahan jenayah hidupan liar, namun masih gagal ‘menakutkan’ pemburu haram dan penyeludup daripada menghentikan kegiatan tidak beretika mereka.

Untuk mengharap kepada Jabatan Perhilitan sahaja dalam usaha memulihara hidupan liar tidak cukup. Kita rakyat Malaysia harus bersama-sama bekerjasama ke arah kelestarian hidupan liar negara. Sudah sampai masanya segala rintihan dan penderitaan haiwan liar ini didengari dan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

*Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

Universiti Putra Malaysia